



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

21/2023

## KENYATAAN MEDIA

### PELANCARAN PELAN PEMFORMALAN USAHAWAN INFORMAL

---

**KUALA LUMPUR, 6 Julai 2023** - YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah pada hari ini telah melancarkan Pelan Pemformalan Usahawan Informal iaitu dokumen yang menggariskan langkah strategik bagi membantu dan memudahcara pemformalan usahawan informal sebagai perniagaan berdaftar.

Bertemakan “Pemformalan Asas Perniagaan Mampan”, pelan ini menyediakan langkah intervensi bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan informal dalam memformalkan perniagaan melalui pendekatan proaktif secara berstruktur yang selari dengan teras 1 Malaysia MADANI iaitu memperkasa IKS dan Usahawan di Malaysia. Ia juga sekali gus memberi penumpuan terhadap tatakelola terbaik kepada usahawan agar bergerak secara efisien serta menyumbang kepada ekonomi Negara. Selain itu, pelan ini menjadi platform kepada kesedaran dan pengetahuan mendaftarkan perniagaan, perundangan dan penginstitusian, insentif fiskal dan bukan fiskal serta pembangunan kapasiti usahawan dan perlindungan sosial yang diperlukan.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yakin inisiatif yang dilaksanakan melalui Pelan Pemformalan Usahawan Informal berupaya menjadikan pendaftaran sebagai norma bagi perniagaan di Malaysia dan seterusnya memangkin pertumbuhan positif prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Zahid menekankan kepentingan agar usahawan yang beroperasi di Malaysia mendaftarkan perniagaan mereka mengikut undang-undang yang berkuatkuasa. Ia bertujuan untuk membolehkan mereka dikenal pasti sebagai entiti yang sah bagi tujuan penyaluran bantuan dan sokongan oleh Kerajaan dan penyediaan jaringan keselamatan sosial. Usahawan yang tidak mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan yang sama taraf dengannya seperti badan profesional atau pejabat daerah di Malaysia Timur tidak akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini.

“Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan menggalakkan pendaftaran perniagaan dalam sektor informal bagi membolehkan usahawan mendapat sokongan yang diperlukan seperti pembiayaan, pemasaran dan perlindungan undang-undang. Pemformalan membolehkan pelbagai fasilitasi serta intervensi Kerajaan bagi menyokong pembangunan perniagaan disalurkan kepada usahawan secara bersasar dan inklusif.”

Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal dan Pekerjaan Informal 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan peningkatan jumlah guna tenaga sektor informal kepada 1.30 juta berbanding 1.26 juta pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 955,400 atau 73.4% adalah terdiri daripada individu yang bekerja sendiri atau majikan yang mengusahakan perniagaan bersaiz mikro atau usahawan informal.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, hakikat bahawa usahawan informal mempunyai akses terhad untuk mendapatkan bantuan dan fasilitasi perniagaan yang diperlukan serta mudah terdedah dengan pelbagai risiko dan ancaman krisis ekonomi, sosial dan alam sekitar berikutan status perniagaan yang tidak berdaftar, menjadikan mereka antara kumpulan sasar di bawah perhatian KUSKOP.

“KUSKOP akan memperkasa ekosistem keusahawanan sedia ada untuk menggalakkan pendaftaran perniagaan secara sukarela serta memupuk minda keusahawanan dan potensi pembangunan usahawan informal agar melibatkan diri secara serius dalam bidang perniagaan. Melalui pelaksanaan 6 strategi yang disokong oleh 20 inisiatif, Pelan ini juga mendidik usahawan agar lebih beretika dan berintegriti tinggi dalam melaksanakan operasi perniagaan.”

Selaras dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul dan inklusif menjelang tahun 2030, pelaksanaan Pelan ini dilihat berupaya meningkatkan kemampanan perniagaan serta memberi perlindungan perundangan dan sosial kepada usahawan agar kalis cabaran dan sentiasa berdaya tahan.

Pada majlis yang sama, YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan pembiayaan TEKUN Nasional berjumlah RM104,000 kepada sepuluh orang usahawan TEKUN termasuk usahawan baharu mendaftar perniagaan sebagai salah satu insentif pasca pemformalan.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**